

Pensyarah UMP menang Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif MOSTI



Kuantan, 10 September - Dua pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) menang dalam Cabaran Inovasi Inklusif MOSTI 2015 bagi kategori Institusi Pendidikan Tinggi sempena Majlis Konyensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Hari Inovasi Negeri Pahang yang berlangsung di Dewan Utama, Pahang Skills Development Center (PSDC) Kuantan baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Dr Mazlina Abdul Majid berjaya memenangi tempat kedua dengan inovasi penyelidikan beliau bertajuk iaitu Malaysian Text Translator (MYKod) iaitu Kod Tangan Bahasa Melayu.

Menurut Dr Mazlina, ianya merupakan satu aplikasi multimedia dalam meningkatkan kemajuan pembelajaran khususnya kepada pelajar yang mengalami cacat pendengaran untuk subjek Bahasa Isyarat yang dilaksanakan di sekolah pendidikan khas. Beliau membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM3,000 dan sijil penyertaan.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Ali (FKKSA), Prof Madya Ir. Dr Ahmad Ziad Sulaiman pula menang tempat ketiga hasil penyelidikan inovasi beliau bertajuk 'Pengekstrak Mudah Alih'.



Penyelidikan ini dapat membantu golongan petani dan usahawan herba luar bandar dalam meningkatkan produktiviti ekstrak herba dengan pengekstrakan maksimum, mudah alih, singkat berbantuan ultrasonic, selamat, mesra alam dan mesra pengguna. Beliau membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

Dalam masa yang sama, produk inovasi UMP iaitu E-Dashboard yang merupakan Sistem Pengurusan Data Strategik bagi KPI turut meraih hadiah saguhati bagi Anugerah Inovasi kategori IPT. Hadir sama menerima hadiah adalah Wan Azlee Wan Abdullah dari Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK).

Hadiah telah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian Ismail yang juga dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Sri Dr Noorul Ainul Mohd Nur.

Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 15-09-2015, 16:04:22